

Temubual dengan Dato' MISBAHA-24.6.1987

Penemuramah 1

Jadi kita sempena dengan tema Koleksi Terengganu 1987 iaitu Islam di Terengganu. Jadi kita telah bersetuju untuk menemubual tokoh-tokoh agama Islam di Terengganu ni dan kita mengenalpasti Dato' sebagai salah seorang tokoh tersebutlah. Jadi kita telah menjalankan kajian mengenai Dato' ni terutama jawatan-jawatan yang Dato' pegang sekarang ni yang berkaitan dengan agama. Jadi berdasarkan kepada jawatan tersebut kita telah untuk Dato' menjawab yang mana kita rasa akan membayangkan tentang peranan Dato' atau sumbangan Dato' terhadap perkembangan agama Islam di Terengganu. Jadi kita pergi kepada jawatan Dato' yang pertama yang Dato' pegang sekarang ni iaitu sebagai...

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Jawatan saya sekarang ni?

Penemuramah 1

Ha. Sebagai salah satu jawatan yang Dato' pegang sekarang ialah sebagai Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Jadi sebelum kita pergi kepada peranan Dato' dulu, Dato' beritahu tentang tugas-tugas majlis ini.

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Saya mulai terlibat dalam hal agama ni semenjak zaman sekolah lagi.
(tidak kedengaran suara)

Dan saya terlibat dengan setiausaha majlis agama. Itu yang terlibat banyak. Saya menjadi setiausaha pelawat. Tapi yang banyak saya menjadi setiausaha agamalah.

(tidak kedengaran suara)

Jadi dalam undang-undang, saya tak bawa undang-undang. Undang-undang sekarang sedang dipinda dan insyaallah undang-undang yang baru ni akan berkuatkuasa pada bulan Ogos tahun 1987.

Penemuramah 1

Adakah tugas Majlis agama ni adalah untuk menggubal undang-undang?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ha. Ahli majlis (tidak kedengaran suara)

Kita baca undang-undang dia, Majlis Agama ni tugas dia adalah badan
(tidak kedengaran suara)
Dia bukan Pejabat Agama. Dia Perbadanan. Yang satu badan yang
ditubuhkan di bawah
(tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Dan jika adakah termasuk dengan adat-adat?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Tidak. Adat yang disini menunjukkan Islam dan adat melayu. Ingat baik. Adat melayu. Bukan istiadat. Istiadat tu adalah dibawah Islamic. Misalnya dalam satu adat, satu orang biasa nak bertunang, adat dia apa semua sekali. Kalau takdir tak jadi bertunang, tak jadi apa boleh gi (pergi) cara mahkamah jugak. Adat macam mana. Jadi tu adat yang berkait dengan agama. Tu dia adat. Dalam bukan adat misalnya satu orang (tidak kedengaran suara)

Isteri dia. Tapi bukan adat berkait dengan perceraian (tidak kedengaran suara)

Perempuan ada hak menuntut mutaah. Saguhati. Selama dia berkahwin, berapa. Kena bayar berapa. Ada.

Penemuramah 1

Kiranya adat berkaitan dengan rukun Islam?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ha. Rukun Islam. Jadi sekarang tugas dengan agama ni banyak. Macam sekarang jikalau katakan Majlis Agama Islam dikatakan exco kepada Pejabat Agama. Segala polisi pergi kepada Majlis Agama dulu. Dan dilantik berbagai cawangan jawatankuasa. Jawatankuasa kewangan, jawatankuasa dakwah, jawatankuasa penerangan. Berapa banyak kawasan yang jawatankuasa. Belas-belas kawasan. Jawatankuasa (tidak kedengaran suara)

Ulama. Macam-macam. Dilantik dibawah (tidak kedengaran suara)

Dan Majlis Perbadanan boleh dakwa dan boleh mendakwa.

Penemuramah 1

Adakah Jabatan Hal Ehwal Islam tu diorang akan refer jugak pada majlis kalau ada apa-apa?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ya. Sebabnya prosedur agama ada (tidak kedengaran suara) Jadi ahli-ahli ni kebanyakannya tokoh-tokoh ulama itulah. Jadi saya semenjak ditubuh hingga sekarang menjadi ahli dia. Dan sebab undang-undang, membuat undang-undang pun bawa kepada majlis juga. Undang-undang yang ada sekarang ni dibawa dalam (tidak kedengaran suara) Sehingga sekarang pun dibahaskan lagi berkenaan dengan barang-barang untuk perkahwinan, untuk cerai, untuk dakwa, untuk tangkap. Berpuluhan-puluhan. Jadi majlis. Begitu juga sekarang. Kalau nak jadi lawyer sekarang, wakil majlis kena duk dalam tu. Nak menentukan siapa. Kemudian fatwa pun ada. Jawatankuasa fatwa dipengerusikan oleh mufti dan berapa orang ahli di dalam tu. Peranan dia memanglah penting kalau kita rujuk pada undang-undang tu. Kita boleh tahu lah dimana setup dan tanggungjawabnya dengan ahli majlis dan adat melayu. Dan pada mesyuarat, satu kehormatan. Hendaklah pakai (tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Kena pakai formal?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ya. Dan biasanya mesyuarat ni dua bulan sekali. (tidak kedengaran suara) untuk menerangkan kajian undang-undang. Jadi kuatkuasa undang-undang dan minta majlis meluluskan apa-apa syarat yang perlantikan-perlantikan panel hakim, pahlawan lantik orang-orang terpilih. Jadi kena orang. Lantikkan wakil majlis dalam menentukan siapa layak jadi lawyer. Bukan sebarang lawyer yang boleh.

Penemuramah 1

Lawyer untuk siver?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ya. Untuk siver. Untuk siver dalam agama. Naklah dia agama Islam, pandai Bahasa Melayu, ada syarat-syarat dia apa dan kita kena periksa dia. Jawatankuasa. Kalau layak, dia boleh bagi. Dan biasanya tiap-tiap tahun sekali.

Penemuramah 1

Ini baru nak kuatkuasa ke dah lama?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ini nak kuatkuasa bulan Ogos. Undang-undang dah lulus dah.

Penemuramah 1

Ini stail Kelantan dok (tak)? Kelantan pun diorang tetapkan...

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ini kita buat dulu daripada Kelantan. Undang-undang ni dan dalam undang-undang nilah saya boleh satu cerita. Saya pergi kepada peranannya majlis dalam undang-undang Majlis Agama Islam negeri Terengganu. Saya rasa saya dah beri kepada Cik Rohayah. Cik Rohayah boleh tengok sini. (tidak kedengaran suara).

Rang undang-undang pentadbiran hal ehwal agama Islam tahun 86. Dengan segala hormatnya dimaklumkan iaitu enakmen pentadbiran hal ehwal agama Islam tahun 86 telah selesai dan diluluskan oleh dewan naungan pada 2 tahun 86. Rang undang-undang ini telah melalui masa yang lama dan bukan sedikit buah fikiran telah dicurahkan untuk menelitiya dengan terperinci agar iaanya menjadi satu enakmen yang lebih sempurna, tepat dengan keadaan serta dapat dilaksanakan dengan berkesan. Akhirnya enakmen tersebut telah berjaya digubal dah disah. Tuan adalah seorang yang telah memberi sumbangan yang banyak untuk menghasilkannya. Merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan itu. Sebagai tanda penghargaan, saya sertakan bersama dengan ini satu tindaramata daripada kami. Saya harap tuan akan dapat mengambilnya.

Penemuramah 1

Ahli majlis ada berapa orang?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ahli majlis sekarang lima belas orang. Dia boleh lantik sapa (sampai) berapa oranglah. Tapi ahli majlis dulu, perempuan tak boleh masuk. Sekarang undang-undang baru, boleh. Pindaan baru. Yang dulu perempuan tak boleh. Sekarang baru kita panda.

Penemuramah 2

Sekarang ni adalah perempuan?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ha. Sekarang ni undang-undang boleh.

Penemuramah 1

Apa yang buat sekarang ni perempuan boleh ahli majlis?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Sekarang? Sebab memandangkan peranan penting perempuan. Jadi dalam segi peranan perempuan ni ada berbagai-bagai pendapat. Memandangkan masa sekarang ni orang perempuan
(tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Dato' pegang jawatan ahli majlis ni dah berapa lama? Berapa tahun dah?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Saya menjadi setiausaha majlis agama dan ahli majlis agama dari semenjak tahun 1956. Kemudian dulu setiausahalah. Kemudian setiausaha
(tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Jadi SU untuk ahli majlis ini ialah setiausaha jabatan hal ehwallah?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Dulu tidak. Dulu Tuanku lantik. Kita buat undang-undang baru.

Penemuramah 1

Secara automatik?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ha. Secara automatik. Sekarang bubar. Setup pejabat agama pula. Setiausaha tak ada. Ini satu problem. Sekarang dalam setup pejabat agama baru, setiausaha tak ada. Tak ada jawatan. Macam mana sekarang. Dalam undang-undang tu...

Penemuramah 2

Berkenaan dengan adat-adat melayu tadi tu. Jadi kami nak tahu lah sama ada adat-adat yang bertentangan dengan Islam tu, apakah tindakan?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Dia sekarang, dia buat ada kesalahan. Macam (tidak kedengaran suara) Macam misalnya sekarang ada kata orang pujakan laut. Dulu ada banyak. Sorang dia pergi puja, sembelih lembu, sembelih kerbau di tepi laut, sungai. Itu dilarang. Kalau dia bertindak, ada kesalahan dia. Dan undang-undang maknanya sampai tiga ribu, sampai tiga tahun. Undang-undang yang baru banyak.

Penemuramah 1

Jadi undang-undang baru ni domestik lagilah daripada yang dulu?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Ya. Undang-undang ini telah disusun lebih daripada sepuluh tahun. Dibuat. Sepuluh tahun dibahas. Serangga terbitnya. Sebab tu kata proses lama tadi
(tidak kedengaran suara)

Penemuramah 1

Dato' Purba tak masuk lagikan?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Dia masuk. Tapi tak lama jugak. Dia uzur. Dia masih ada dalam majlis.

Penemuramah 2

Dato', andainya Dewan Undangan Negeri nak bubar hukum agama ni, adakah dia buat refrents kepada Majlis Agama Islam terlebih dahulu?

Dato' MISBAHA (Tokoh)

Kalu (kalau) undang-undang? Undang-undang agama. Dia dalam agama, kita ada ketua agama. Ketua agama ni sultan. Dan sultan menjalan unsur agama. Mengenai agama, dewan tak pernah buat. Akta peraturan pun masih dibuat oleh jabatan agama.